

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8234

SOALAN:

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan dengan terperinci:-**

- (a) apakah jenis senapang Taser yang telah dibeli oleh Kerajaan Malaysia dan bilakah senapang tersebut dibeli; dan
- (b) kos setiap senapang, syarikat pembekal serta tarikh penggunaan senapang Taser ini oleh pihak berkuasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak PDRM membuat perolehan senjata berkenaan secara berperingkat pada tahun 2007, 2011, 2013 dan 2014. Pihak PDRM tidak boleh mendedahkan jenis dan jumlah senjata berkenaan kerana ia berkait dengan aspek keselamatan pasukan dan negara.

Bagi menjawab soalan (b), perolehan senjata berkenaan dibuat melalui Syarikat Personal Defence Technology Sdn. Bhd secara sebut harga dengan kos keseluruhan berjumlah RM9,834,300.00. Peruntukan perolehan dimasukkan di bawah RMK 9 dan RMK 10.